

15 APR 2000

G77-deklarasi

PEMIMPIN SELATAN MAHU REFORMASI SISTEM KEWANGAN ANTARABANGSA

Oleh: E.Sivabalan

HAVANA, 15 April (Bernama) -- Kumpulan 77 Negara Membangun (G-77) sebulat suara meluluskan Deklarasi Sidang Kemuncak Selatan yang antaranya meminta reformasi segera terhadap sistem kewangan antarabangsa.

Para pemimpin yang menghadiri sidang tiga hari itu, yang berakhir pada Jumaat, meminta sistem kewangan antarabangsa yang lebih demokratik dan telus, dan lebih cenderung kepada penyelesaian masalah-masalah pembangunan.

Deklarasi itu meminta pembentukan "program yang jelas yang melangkaui tidak hanya halangan kewangan, perdagangan, teknologi dan pembangunan pada peringkat antarabangsa."

"Pemulihan pasaran modal selepas krisis kewangan yang lepas seharusnya tidak membuatkan kita berasa lega," demikian menurut deklarasi tersebut.

Lebih daripada 60 pemimpin dari G-77, yang mengandungi 133 negara anggota menghadiri sidang kemuncak itu. Malaysia diwakili oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Para pemimpin tersebut meminta institusi-institusi kewangan untuk mengambil tindakan sesuai dan bertepatan masa untuk membantu negara-negara membangun yang mempunyai pasaran kewangan terhad daripada menanggung kesan buruk berikutan kecairan kewangan.

Mereka mengakui perlunya negara mereka untuk meneruskan usaha ke arah reformasi ekonomi untuk meningkatkan pertumbuhan mampan ekonomi dan pembangunan.

"Kami juga meminta negara-negara maju agar mengambil kira kesan negatif terhadap negara-negara membangun berikutan dasar mereka berkaitan ekonomi, kewangan dan fiskal, dan mengambil langkah yang bersesuaian dengan keperluan dan kepentingan negara-negara Selatan," menurut deklarasi itu.

Para pemimpin itu juga meminta Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) menghindari daripada membuat tuntutan-tuntutan yang tidak sepatutnya daripada negara-negara membangun.

"Kami mengakui terdapat perlunya, antara negara-negara membangun untuk meningkatkan penyertaan yang berkesan dalam WTO," kata deklarasi itu.

Para pemimpin itu juga menyokong persidangan peringkat tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam tahun 2001, yang berkaitan kewangan untuk pembangunan.

Para pemimpin itu juga meminta peraturan pengurangan hutang bagi negara-negara membangun bagi mempercepat negara-negara tersebut menggunakan sumber untuk pembangunan.

Sidang kemuncak itu juga mengesahkan Tindakan Program Havana, yang mana isu yang dibangkitkan dan dipersetujui adalah serupa dengan deklarasi tersebut.

-- BERNAMA

ES RI